

3756/1
Kertas 1
Oktober
2020
1 ¼ jam

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BALING

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2020

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A,B,C** dan **D**. Bagi setiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

Jawab **semua** soalan.

1. Maklumat yang berikut adalah berkaitan dengan pengguna penyata kewangan.

Penyata kewangan digunakan sebagai rujukan untuk mengetahui prestasi perniagaan bagi membuat keputusan pelaburan.

Siapakah pengguna luaran penyata kewangan yang dimaksudkan dalam maklumat di atas?

- A Pemilik perniagaan
- B Pihak kerajaan
- C Pihak pelabur
- D Pihak bank

2. Berikut merupakan ciri kualitatif penyata kewangan.

- *Relevan*
- *Kebolehfahaman*
- *Kebolehpercayaan*
- *Kebolehbandingan*


Apakah ciri kualitatif penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan di atas?

- A Materialiti
- B Ketekalan
- C Konservatisme
- D Ketepatan masa

3. Di antara berikut, yang manakah merupakan inventori bagi perniagaan Kedai Perabot Jati Teguh?

- A Penghawa Dingin
- B Rak Pameran
- C Mesin faks
- D Komputer

4. Rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada kitaran perakaunan.



Apakah komponen dalam X?

- I Jurnal Am
 - II Buku Tunai
 - III Akaun Perdagangan dan Untung Rugi
 - IV Penyata Kedudukan Kewangan
- A I dan II
- B III dan IV
- C II dan III
- D II dan IV
5. Jadual di bawah menunjukkan sistem kod yang digunakan oleh Syarikat Fajar Sdn Bhd untuk membina carta akaun dalam sistem perakaunan berkomputer.

Kod	Jenis Akaun
1000 - 1999	Aset
2000 - 2999	Liabiliti
3000 - 3999	Belanja
4000 - 4999	Hasil
5000 - 5999	Ekuiti Pemilik

Apakah kod bagi Akaun Hutang Lapuk Terpulih?

- A 1003
- B 2002
- C 3008
- D 4090

6. Urus niaga manakah yang menyebabkan aset dan ekuiti pemilik perniagaan bertambah?
- A Membeli komputer pejabat menggunakan cek peribadi
 - B Bayar Akaun Belum Bayar dengan cek
 - C Ambilan tunai perniagaan untuk kegunaan sendiri
 - D Beli perabot secara kredit
7. Maklumat yang berikut menunjukkan petikan Buku Tunai seorang peniaga.

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Folio	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Folio	Tunai	Bank
2020			RM		2020				
Jun 3	Bank	✓	882		Jun 3	Tunai	✓		882

- Apakah dokumen sumber untuk merekod catatan pada 3 Jun 2020?
- A Memo
 - B Keratan Cek
 - C Slip wang Masuk
 - D Baucer Pembayaran
8. Manakah antara urus niaga berikut yang sesuai direkod dalam Jurnal Am Perniagaan Perabot Kupang?
- A Pulangan jualan daripada pelanggan Restoran Jelapang.
 - B Beli perabot daripada Syarikat Perabot Mewah.
 - C Beli kenderaan daripada Toyota Maju Enterprise
 - D Jual barang niaga kepada Kedai Alat Tulis Comey

9. Berikut ialah Jurnal Belian bagi sebuah perniagaan .

Jurnal Belian

Tarikh	Butiran	No. Invois	Amaun
2020 Julai 3	Pembekal Ahmad	1007	6 000
12	Ah Seng Trading	2006	4 500
18	Marina Enterprise	3005	1 200

Apakah dokumen sumber yang terlibat?

- A invois asal dan nota debit asal
 - B katalog asal dan nota kredit asal
 - C sebut harga asal dan nota debit asal
 - D pesanan belian asal dan nota kredit asal
10. Dokumen di bawah ialah urus niaga yang berlaku antara Kedai Toby Sdn Bhd dengan pelanggannya.

SALINAN KEDAI TOBY SDN BHD 122 Lorong Permata Sungai Petani, Kedah. Tarikh : 13 Jun 2020 BIL TUNAI KEDAI ARIFF				
Bil	Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	12	Pasu Bunga	10.00	120.00
2	10	Baja NPK 12:13:15	10.00	100.00
JUMLAH BESAR				220.00
(Ringgit Malaysia: Dua ratus dua puluh sahaja)				

Buku catatan pertama manakah yang akan digunakan oleh Kedai Toby Sdn Bhd?

- A Jurnal Am
- B Buku Tunai
- C Jurnal Belian
- D Jurnal Jualan

11. Pilih dokumen-dokumen sumber bagi Jurnal Jualan?

- I Invois (asal)
- II Invois (salinan)
- III Nota debit (asal)
- IV Nota debit (salinan)

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

12. Antara berikut, yang manakah Akaun Nominal?

- I Akaun Hasil
- II Akaun Belian
- III Akaun Ambilan
- IV Akaun Belum Terima

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

13.

Pada 1 April 2020, Syuhada Nabila memasukkan wang tunai ke dalam bank perniagaan sebagai modal tambahan.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Bank	Akaun Modal
B	Akaun Tunai	Akaun Modal Tambahan
C	Akaun Tunai	Akaun Modal
D	Akaun Bank	Akaun Modal Tambahan

Sekeping cek bernilai RM20,540.39 yang diterima oleh Khairul Rizal pemilik Khairul Enterprise daripada pelanggannya iaitu Nadia Trading. Urus niaga tersebut telah direkodkan dalam buku perakaunannya. Pihak bank telah memulangkan semula cek tersebut kerana tak laku.

14. Pilih catatan yang betul bagi merekodkan cek tak laku tersebut.

A

Akaun Tunai		
	Nadia Trading	20,540.39

Akaun Bank		
Tunai	20,540.39	

B

Akaun Nadia Trading		
Bank	20,540.39	

Akaun Bank		
	Nadia Trading	20,540.39

C

Akaun Nadia Trading		
	Nadia Trading	20,540.39

Akaun Bank		
Nadia Trading	20,540.39	

D

Akaun Nadia Trading		
Tunai	20,540.39	

Akaun Tunai		
	Nadia Trading	20,540.39

15. Manakah antara berikut merupakan Lejar Khas?

- A Akaun Belum Terima
- B Akaun Modal
- C Akaun Belian
- D Akaun Sewa

16. Petikan Imbangan duga berikut diperolehi daripada Tawar Enterprise pada 30 September 2020.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	12 000	
Akaun Belum Bayar	8 200	
Hutang lapuk		1 500
Hutang lapuk terpulih	500	
Peruntukan hutang ragu		980

Nyatakan akaun yang bakinya dicatatkan di lajur yang betul?

- A Akaun Belum Terima dan Peruntukan hutang ragu
- B Akaun Belum Terima dan Hutang lapuk terpulih
- C Akaun Belum Terima dan Hutang lapuk
- D Akaun belum Bayar dan Hutang lapuk

17. Apakah item yang mengurangkan kos belian?

- A Duti atas Belian
- B Angkutan Keluar
- C Angkutan Masuk
- D Pulangan keluar

18. Apakah maksud peruntukan hutang ragu?

- A Hutang yang dapat dikutip semula.
- B Anggaran hutang yang tidak dapat dikutip
- C Anggaran hutang yang tidak perlu dibayar
- D Hutang yang pasti tidak dapat dikutip

19. Berikut ialah petikan Imbangan Duga Salwa Enterprise pada 31 Ogos 2020.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun belum terima	12 000	
Hutang Lapuk	1000	
Peruntukan Hutang Ragu		250

Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 2.5% atas Akaun belum terima.

Berapakah penambahan atau pengurangan peruntukan hutang ragu pada 31 Ogos 2020?

- A Penambahan RM25
 - B Penambahan RM50
 - C Pengurangan RM25
 - D Pengurangan RM50
20. Antara berikut, penyataan manakah yang merujuk kepada kesilapan prinsip?
- A Komisen belum terperoleh RM200 tidak diambil kira.
 - B Jualan RM860 kepada Kedai Wana direkodkan dalam Akaun Kedai Wawa.
 - C Peruntukan hutang ragu sebanyak 4% atas Akaun Belum Terima terlupa diselaraskan.
 - D Belanja penyelenggaraan premis RM500 telah direkodkan dalam Akaun Premis.
21. Pilih padanan yang betul bagi kegunaan nisbah berikut.

	Nisbah	Kegunaan
A	Margin	Mengukur peratus untung bersih bagi setiap ringgit jualan
B	Kadar pusing ganti inventori	Mengukur kecekapan pengurusan inventori
C	Pulangan atas modal	Mengukur kadar untung kasar atas setiap ringgit modal yang dilaburkan
D	Nisbah semasa	Mengukur kemampuan firma menjelaskan hutang jangka panjang